


SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011
PERATURAN PEMARKAHAN TASAWWUR ISLAM
Kertas 2

5226/2

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

PERATURAN PEMARKAHAN 5226/2

No Soalan	Jawapan	Markah
1 ((a) (i))	Pengertian alam ghaib ialah alam yang tidak dapat ditanggapi oleh akal dan pancaindera.	[1 isi x 2 markah = 2 markah]
(ii)	<p>Dua cara memelihara alam musyahadah:</p> <p>P1. Mengawal penebangan hutan (1m) untuk mengekalkan keindahan alam.(1m)</p> <p>P2. Merancang kawasan pembangunan (1m) supaya tidak berlaku bencana.(1m)</p> <p>P3. Mengekalkan habitat flora dan fauna (1m) supaya tidak pupus.</p> <p>P4. Mengawal penggunaan bahan galian (1m) supaya tidak tercemar.(1m)</p> <p>P5. Menjaga kebersihan persekitaran/gotong -royong (1m) dengan tidak membuang sampah merata-rata.(1m)</p> <p>P6. Mengawal keindahan sungai (1m) supaya airnya selamat digunakan.(1m)</p> <p>P7. Mengadakan kempen (1m) tentang kepentingan menjaga alam.(1m)</p> <p>P8. Penguatkuasaan undang-undang / denda (1m) supaya orang ramai takut melakukan pencemaran.</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(b)	<p>Dua cara mensyukuri nikmat akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT:</p> <p>P1. Sentiasa berfikiran positif.</p> <p>P2. Memikirkan kebesaran Allah SWT.</p> <p>P3. Menjaga kesihatan akal / Makan makanan berkhasiat.</p> <p>P4. Mendekatkan diri kepada Allah SWT/beribadat/berzikir</p> <p>P5. Menjauhi perkara yang merosakkan akal/jauhi dadah/arak.</p> <p>P6. Menuntut ilmu/belajar/mengamal budaya membaca.</p> <p>P7. Merekacipta sesuatu yang berfaedah</p>	[2 isi x 1 markah = 2 markah]
(c)	<p>Dua kesan fahaman anti hadis kepada umat Islam:</p> <p>P1. Hilang rasa hormat terhadap nabi (1m) yang menjadi pilihan Allah swt sebagai utusan-Nya.(1m)</p> <p>P2. Menolak Al-Quran, (1m) kerana Al-Quranlah yang menyuruh terima hadis.(1m)</p> <p>P3. Umat Islam akan berpecah belah (1m) jika banyak pendapat dalam mentafsirkan hal-hal agama.(1m)</p> <p>P4. Ajaran al-Quran yang umum tidak akan dapat difahami (1m) oleh umat Islam.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]

No Soalan	Jawapan	Markah
(d) (i)	<p>Dua ciri ajaran sesat:</p> <p>P1. Kepercayaan pada rukun Iman dan asas aqidah yang bertentangan</p> <p>P2. Mempertikaikan kebenaran al Quran dan hadis</p> <p>P3. Mendiayahkan dirinya sendiri atau orang lain sebagai nabi terakhir , Imam Mahdi dan sebagainya.</p> <p>P4. Pendewaan diri atau pemimpin secara bertentangan</p> <p>P5. Mengadakan bidaah dan pendapat baru yang menyeleweng</p> <p>P6. Mentafsir dan menghuraikan alQuran dan hadis sesuka hati</p> <p>*Tiada huraian</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(ii)	<p>Dua cara menjauhi ajaran sesat:</p> <p>P1. Mendalami ilmu agama (1m) dengan guru bertauliah.(1m)</p> <p>P2. Menghadiri majlis agama (1m) seperti ceramah.(1m)</p> <p>P3. Mendampingi alim ulamak (1m) untuk mendapat bimbingan.(1m)</p> <p>P4. Sentiasa melaksanakan amal soleh / beribadat (1m) supaya iman kuat. (1m)</p> <p>P5. Menjauhi kumpulan ajaran sesat (1m) supaya tidak terpengaruh. (1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
2 (a) (i)	<p>Maksud Rabbaniyyah ialah</p> <p>Segala hukum ,konsep ,prinsip ,nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah s.w.t dan hadis.</p>	[1 isi x 2 markah = 2 markah]
(ii)	<p>Dua cara untuk memiliki sifat rabbaniyyah ialah;</p> <p>P1. Meyakini rukun-rukun iman (1m) seperti beriman kepada Allah SWT (1m)</p> <p>P2. Melaksanakan perintah Allah SWT (1m) seperti menunaikan solat fardu.(1m)</p> <p>P3. Meninggalkan larangan Allah (1m) seperti berzina.(1m)</p> <p>P4. Berjihad pada jalan Allah SWT (1m) mengikut kemampuan (1m)</p> <p>P5. Berusaha bersungguh-sungguh (1m) untuk mendapatkan kejayaan / kebahagiaan (1m)</p> <p>P6. Berakhlak mulia (1m) seperti jujur / amanah. (1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]

No Soalan	Jawapan	Markah
(b) (i)	<p>Dua contoh kesederhanaan dalam Ibadat menurut prinsip Waqi'iyah ialah:</p> <p>P1. Solat Qasar dan Jamak (1m) ketika musafir (1m)</p> <p>P2. Solat boleh dilakukan secara duduk atau berbaring (1m) sekiranya sakit.(1m)</p> <p>P3. Kewajipan zakat (1m) hanya kepada mereka yang berharta.(1m)</p> <p>P4. Kefarduan solat (1m) hanya 5 waktu.(1m)</p> <p>P5. Kefarduan Haji (1m) hanya diwajibkan kepada yang mampu.(1m)</p> <p>P6. Kewajipan puasa (1m) hanya siang hari.(1m) / Boleh berbuka (1m) bagi yang sakit.(1m)</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(ii)	<p>Dua keistimewaan beribadat dengan berlandaskan prinsip Waqi'iyah:</p> <p>P1. Mudah melakukan ibadat (1m) kerana Allah SWT tahu kemampuan hambanya.(1m)</p> <p>P2. Jiwa menjadi tenang (1m) kerana menyempurnakan ibadat.(1m)</p> <p>P3. Seronok melakukan ibadat (1m) kerana khusyuk.(1m)</p> <p>P4. Melaksanakan ibadat dengan yakin (1m) dalam apa jua keadaan.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(c)	<p>Tiga perkara yang tidak boleh ditoleransikan menurut konsep Thabat ialah;</p> <p>P1. Akidah (1m) contoh tidak boleh melakukan syirik. (1m)</p> <p>P2. Ibadat (1m) contoh solat lima waktu tidak boleh dikurangkan.(1m)</p> <p>P3. Ketetapan hukum syariah (1m) contoh hukum hudud ,qisas dan takzir tidak boleh diubah pelaksanaan hukumannya.(1m)</p>	[3 isi x 2 markah = 6 markah]
3 (a) (i)	<p>Empat sumber perundangan Islam:</p> <p>P1. Al-Quran</p> <p>P2. Al-Hadis</p> <p>P3. Al-Ijmak</p> <p>P4. Al-Qias</p>	[4 isi x 1 markah = 4 markah]
(ii)	<p>Dua prinsip kehakiman dalam Islam:</p> <p>P1. Bersifat rabbani / berteraskan al-Quran dan hadis (1m) untuk menentukan keputusan. (1m)</p> <p>P2. Menegakkan keadilan (1m) tanpa mengira pangkat /keturunan. (1m)</p> <p>P3. Menyeru kepada kebaikan dan mencegah kejahatan (1m) melalui pelaksanaan hukuman yang bersifat pencegahan. (1m)</p> <p>P4. Mengamalkan akhlak mulia (1m) untuk memelihara perpaduan masyarakat. (1m)</p> <p>P5. Menghapuskan kezaliman (1m) bagi menjamin kesejahteraan. (1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]

No Soalan	Jawapan	Markah
(iii)	<p>Empat ciri orang yang layak dilantik menjadi hakim menurut Islam:</p> <p>P1. Beriman / bertakwa P2. Berilmu P3. Waras P4. Sentiasa tenang P5. Berwibawa P6. Dihormati P7. Bijaksana P8. Berpandangan jauh P9. Berani P9. Tegas P10. Adil P11. Amanah</p> <p>*Mana-mana ciri yang munasabah diterima.</p>	[4 isi x 1 markah = 4 markah]
(b)	<p>Dua tanggungjawab manusia terhadap Allah:</p> <p>P1. Mematuhi perintah Allah (1m) seperti bersolat. (1m) Meninggalkan larangan Allah (1m) seperti tidak minum arak.(1m) P2. Sentiasa berdoa /berzikir (1m) untuk mengingatiNya.(1m) P3. Bertawakkal kepada Allah (1m) selepas berusaha. (1m) P4. Redha dan sabar (1m) dengan ketentuan Allah. (1m) P5. Besyukur (1m) atas nikmat kurniaanNya (1m)</p> <p>*Mana-mana jawapan dan huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(c)	<p>Dua cara untuk memupuk tanggungjawab sosial di kalangan ahli masyarakat:</p> <p>P1. Didikan awal dalam keluarga / pendidikan agama.(1m) sejak kecil.(1m) P2. Kempen melalui media massa (1m) secara berterusan (1m) P3. Penerapan nilai-nilai murni (1m) dalam aktiviti masyarakat.(1m) P4. Nasihat /bimbingan / amar makruf nahi mungkar (1m) untuk kesejahteraan.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
4 (a) (i)	<p>Dua ciri pekerjaan yang digalakkan dalam Islam:</p> <p>P1. Pekerjaan yang halal / tidak melanggar peraturan syarak (1m) seperti berniaga. (1m) P2. Pekerjaan yang tidak mengganggu ketenteraman awam (1m) seperti menjadi guru.(1m) P3. Pekerjaan yang tidak mencemarkan alam sekitar (1m) supaya dunia selamat.(1m) P4. Pekerjaan yang tidak membahayakan diri sendiri / orang lain. (1m) supaya hidup aman.(1m) P5. Pekerjaan yang tidak melalaikan diri seseorang daripada beribadat kepada Allah (1m) supaya diberkati.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	2 isi x 2 markah = 4 markah]

No Soalan	Jawapan	Markah
(ii)	<p>Dua kepentingan bekerja kepada pembangunan negara:</p> <p>P1. Menghasilkan produktiviti (1m) yang berkualiti. (1m)</p> <p>P2. Menyumbang tenaga kepada perkembangan ekonomi, politik dan sosial (2m)</p> <p>P3. Mengurangkan kadar kemiskinan (1m) dalam kalangan rakyat.(1m)</p> <p>P4. Mengurangkan kadar pengangguran (1m) dalam negara.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	2 isi x 2 markah = 4 markah]
(b) (i)	<p>Dua keistimewaan bermuamalat secara Islam:</p> <p>P1. Menjadikan harta sebagai alat mendekati diri kepada Allah s.w.t (1m) seperti berzakat.(1m)</p> <p>P2. Menggalakkan manusia melakukan kebajikan (1m) seperti bersedakah.(1m)</p> <p>P3. Mengelakkan pembaziran (1m) ketika berurusan.(1m)</p> <p>P4. Tidak menjejaskan kepentingan ramai (1m) seperti unsur penipuan.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	2 isi x 2 markah = 4 markah]
(ii)	<p>Dua kesan buruk tidak bermuamalat secara Islam kepada individu.</p> <p>P1. Melahirkan individu yang tamak haloba (1m) terhadap harta dunia (1m)</p> <p>P2. Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri (1m) berbanding untuk membantu orang lain (1m)</p> <p>P3. Individu hidup dalam kegelisahan (1m) kerana takut harta mereka akan ditipu. (1m)</p> <p>P4. Kehidupan golongan miskin tidak terbela (1m) kerana sering ditindas.(1m)</p> <p>P5. Individu menjadi kurang kreatif dan inovatif (1m) untuk menceburi bidang ekonomi. (1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(iii)	<p>Dua cara untuk menggalakkan masyarakat bermuamalah mengikut syarak:</p> <p>P1. Memberikan penerangan / pendidikan (1m) sejak dari kecil. (1m)</p> <p>P2. Menyebarkan risalah/kempen(1m) tentang kebaikan bermuamalah secara Islam. (1m)</p> <p>P3. Mengemas kini sistem muamalah (1m) yang menghalang kelancarannya.(1m)</p> <p>P4. Menyediakan kemudahan sistem muamalah islam (1m) yang mencukupi. (1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]

No Soalan	Jawapan	Markah
5 (a) (i)	<p>Dua ciri keunggulan perundangan Islam :</p> <p>P1. Kekal hingga ke hari akhirat (1m) seperti ibadat puasa tetap kekal wajibnya hingga akhirat.(1m)</p> <p>P2. Memelihara keselamatan masyarakat dan negara (1m) kerana dapat mencegah semua perkara yang boleh merosakkan keharmonian masyarakat.(1m)</p> <p>P3. Hukuman bersifat adil (1m) tanpa mengira kedudukan dan pangkat.(1m)</p> <p>P4. Mendidik jiwa manusia (1m) supaya terdidik mentaati Allah.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(ii)	<p>Dua cara Islam memelihara harta benda manusia:</p> <p>P1. Islam melarang perbuatan menceroboh /mengambil harta orang lain secara tidak sah (1m) kerana wujud penindasan.(1m)</p> <p>P2. Islam menetapkan manusia perlu menghormati hak awam (1m) seperti tidak melakukan vandalism.(1m)</p> <p>P3. Islam mengenakan hukuman hudud potong tangan (1m) kepada pencuri.(1m)</p> <p>P4. Islam menekankan wajib menghormati hak milik individu yang lain (1m) supaya wujud perpaduan.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(b) (i)	<p>Pengertian hukum sunat ialah perkara yang digalakkan untuk dilakukan serta diberikan ganjaran pahala</p> <p>Dua contoh perkara sunat:</p> <p>P1. Solat sunat</p> <p>P2. Puasa sunat</p> <p>P3. Bersedekah</p> <p>*Mana-mana contoh hukum sunat yang munasabah</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(ii)	<p>Dua hikmah penetapan hukum sunat.</p> <p>P1. Mendorong melakukan kebaikan (1m) seperti infak harta ke jalan Allah.(1m)</p> <p>P2. Mendorong sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m) untuk mendapat keredaanNya.(1m)</p> <p>P3. Memberi peluang untuk menambah pahala ibadat (1m) sebanyak mungkin.(1m)</p> <p>P4. Menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan (1m) kerana manusia sering lalai.(1m)</p> <p>P5. Mengeratkan hubungan silaturrahim sesama manusia (1m) melalui amalan sedekah.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]

No Soalan	Jawapan	Markah
(c)	<p>Dua cara untuk mengekalkan kerukunan rumahtangga:</p> <p>P1. Mengamalkan sifat maaf-bermaafan / toleransi (1m) supaya tiada pergaduhan.(1m)</p> <p>P2. Segera menyelesaikan masalah kepada pihak yang berkeahlian (1m) supaya masalah tidak berlarutan.(1m)</p> <p>P3. Saling memenuhi keperluan satu sama lain (1m) seperti makanan minuman.(1m)</p> <p>P4. Mengukuhkan ekonomi keluarga (1m) supaya keperluan asasi terpelihara.(1m)</p> <p>P5. Saling sayang menyayangi (1m) untuk mengeratkan hubungan keluarga.(1m)</p> <p>*Mana-mana jawapan dan huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
6 (a) (i)	<p>Empat amalan dalam menyelesaikan masalah:</p> <p>P1. Melalui a-Quran/merujuk al-Quran</p> <p>P2. Melalui al-Hadis/merujuk al-Hadis</p> <p>P3. Melalui tindakan pemerintah</p> <p>P4. Melalui dakwah / amar makruf nahi mungkar</p> <p>P5. Melalui nasihat / bimbingan / kaunseling</p> <p>P6. Melalui pendidikan / pembelajaran</p> <p>P7. Melalui doa / solat / beribadat</p> <p>P8. Melalui kesungguhan,bekerja</p> <p>P9. Melalui pegangan agama</p>	[4 isi x 1 markah = 4 markah]
(ii)	<p>Dua ciri penyelesaian masalah:</p> <p>P1. Penyelesaian secara menyeluruh dan bersepadu (1m) agar masalah dapat diselesaikan dengan baik.(1m)</p> <p>P2. Menepati kehendak syarak (1m) agar diberkati Allah (1m)</p> <p>P3. Dilakukan secara bersungguh-sungguh (1m) supaya dapat memuaskan hati semua pihak. (1m)</p> <p>P4. Merujuk kepada orang yang berilmu (1m) agar masalah dapat diselesaikan dengan cara yang betul. (1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(b)	<p>Dua cara mewujudkan jati diri ummah:</p> <p>P1. Melalui penguasaan ilmu / kemahiran (1m) agar kehidupan dapat ditingkatkan.(1m)</p> <p>P2. Melalui perancangan yang kemas (1m) agar kehidupan dapat dilalui dengan lancar.(1m)</p> <p>P3. Melalui penggunaan sumber tenaga yang baik (1m) agar pembangunan dapat ditingkatkan.(1m)</p> <p>*Mana-mana jawapan dan huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]

No Soalan	Jawapan	Markah
(b)	<p>Dua amalan muamalah yang tidak sah menurut Islam:</p> <p>P1. Muamalah yang mengandungi unsur penipuan(1m) seperti manipulasi. (1m)</p> <p>P2. Muamalah yang mengandungi unsur penindasan (1m) seperti riba dan monopoli. (1m)</p> <p>P3. Muamalah yang mengandungi unsur perjudian (1m) seperti loteri. (1m)</p> <p>P4. Muamalah yang mengandungi unsur barangan yang tidak suci dan najis (1m) seperti berniaga bangkai, dadah dan arak. (1m)</p> <p>P5. Muamalah yang belum pasti barangan jualan (1m) seperti menjual ikan di lautan, burung di angkasa.(1m)</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah
(c)	<p>Empat cara yang anda perlu lakukan untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran:</p> <p>P1. Belajar bersungguh-sungguh</p> <p>P2. Mengulangkaji pelajaran</p> <p>P3. Menepati masa</p> <p>P4. Berdisiplin</p> <p>P5. Menghormati guru</p> <p>P6. Taat ibubapa</p> <p>P7. Berakhlak mulia</p> <p>P8. Rajin beribadat</p> <p>P9. Sentiasa berdoa</p> <p>P10. Makanan yang halal</p> <p>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah
(d)	<p>Dua cadangan untuk mengatasi masalah ponteng solat di kalangan pelajar:</p> <p>P1. Memberi nasihat (1m) supaya tunaikan solat.(1m)</p> <p>P2. Mengajak rakan menunaikan solat berjemaah (1m) supaya rakan terpengaruh.(1m)</p> <p>P3. Mengedarkan risalah / pamplet (1m) tentang kelebihan solat. (1m)</p> <p>P4. Mengadakan halaqah ilmu /usrah /budaya al-Quran (1m) supaya terbuka hati untuk solatsendiri.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

No Soalan	Jawapan	Markah
(c)	<p>Dua sebab perlu menyelesaikan masalah secara Islam:</p> <p>P1. Islam agama yang lengkap dan sempurna (1m) meliputi semua aspek kehidupan manusia.(1m)</p> <p>P2. Islam adalah agama yang memberikan balasan ke atas setiap perbuatan manusia (1m) sama ada di dunia atau akhirat.(1m)</p> <p>P3. Memberi keadilan kepada manusia (1m) tanpa mengira pangkat dan kedudukan mereka.(1m)</p> <p>P4. Mewujudkan perpaduan ummah (1m) kerana ada amalan bekerjasama.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(d)	<p>Dua kelebihan pelajar yang berpegang teguh dengan ajaran Islam:</p> <p>P1. Membentuk peribadi yang mulia (1m) kerana takut azab Allah.(1m)</p> <p>P2. Berjaya dalam pelajaran (1m) kerana hidup berdisiplin.(1m)</p> <p>P3. Dirahmati oleh Allah (1m) kerana dapat pahala.(1m)</p> <p>P4. Disukai rakan /guru (1m) kerana jujur dalam pergaulan.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 x 2 = 4 markah]
7 (a)	<p>Empat golongan yang tidak layak menguruskan harta:</p> <p>P1. Anak yatim</p> <p>P2. Kanak-kanak</p> <p>P3. Orang yang terencat akal / lemah akal (safih)</p> <p>P4. Orang gila / orang yang tidak siuman</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
(ii)	<p>Dua cara anda sebagai pelajar membelanjakan harta ke jalan yang diredhai Allah SWT:</p> <p>P1. Berbelanja mengikut keperluan (1m) supaya ekonomi keluarga tidak terjejas.(1m)</p> <p>P2. Berbelanja dengan berhemah / berjimat (1m) dengan cara membuat perancangan.(1m)</p> <p>P3. Berbelanja untuk keperluan belajar (1m) seperti membeli buku.(1m)</p> <p>P4. Berbelanja untuk amal kebajikan (1m) seperti bersedekah.(1m)</p> <p>P5. Berbelanja untuk amal ibadat (1m) seperti membeli sejadah.(1m)</p> <p>*Mana-mana huraian munasabah diterima.</p>	[2 isi x 2 markah = 4 markah]

